

# Visi 2025 wanita pertama Datuk Bandar KL



**“D**ATUK Seri Datuk Bandar baharu bukan? Kuala Lumpur ini selamat tidak?”

Itu soalan ‘cepumas’ yang pernah diajukan wartawan kepadanya tatkala insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, sekali gus ‘melenyapkan’ nyawa seorang wanita warganegara India 23 Ogos lalu.

Ketika itu, wanita ini baru sahaja masuk hari kelapan bertugas dan menyandang amanah besar sebagai Datuk Bandar ke-15 ibu kota, Kuala Lumpur (KL).

Meskipun pelantikannya menjadi sebahagian lipatan sejarah negara kerana merupakan wanita pertama dilantik sebagai Datuk Bandar KL, namun insiden terbabit membuatkan dia ‘lupa’ seketika akan pengiktirafan membanggakan itu.



Meskipun pelantikannya menjadi sebahagian lipatan sejarah negara kerana merupakan wanita pertama dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, namun insiden terbabit membuatnya ‘lupa’ seketika akan pengiktirafan membanggakan itu.”

“Kalaulah anda (wartawan) dapat maklumat Kuala Lumpur ini tidak selamat, ada tidak data-data dan kajian yang mengatakan ia tidak selamat?”

“Jika ada (data-data dan kajian tersebut) beri kepada saya. Bagi pendapat saya, Kuala Lumpur ini sudah beratus tahun wujud dan ia selamat,” jawabnya penuh yakin sekali gus meleraikan persoalan dan kegusaran ramai terutama penduduk ibu kota metropolitan.

Berpeluang menemu bual Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd. Sharif petang Khamis minggu lalu setelah beberapa kali bertukar tarikh dek jadual padat dan kesibukan tuntutan kerja, pujian harus diberikan kepada wanita hebat berusia 63 tahun ini.

Hal ini kerana janjinya kepada K-Wanita untuk ditemu bual di pejabatnya akhirnya dikotakan meskipun masa yang diberikan begitu mencemburui.

Jelas Maimunah, apa yang diceritakan ketika awal pertemuan sebentar tadi merupakan antara detik yang tidak akan pernah dilupakannya ketika negara menghadapi insiden jarang berlaku itu.

Lebih-lebih lagi ketika itu dia merupakan orang ‘baharu’ dalam organisasi dan sedikit sebanyak memberi ‘kejutan’ dan tamparan kepadanya sebagai ketua. Pun begitu, kecekapan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama rakan serta pelbagai pihak dan agensi yang terlibat menguruskan insiden tersebut membuatnya mampu ‘kembali’ bernafas.

Ibu kepada dua cahaya mata kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini memberitahu, 22 November lalu genaplah 100 hari dia menerajui DBKL sebagai Datuk Bandar dan dia ada visi serta perancangan tersendiri yang mahu dicapai.